

IPTA diarah kaji kurikulum

PUTRAJAYA: Kementerian Pengajian Tinggi sedang menilai beberapa pembaharuan berkaitan sistem pembelajaran dan pengajaran di universiti awam bagi melahirkan graduan berkemahiran tinggi sejajar keperluan pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin (**gambar**), berkata semua institusi pengajian tinggi awam sudah diarah melakukan kajian mengenai kurikulum masing-masing setiap empat atau lima tahun.

"Kita akan menentukan supaya pembaharuan dilakukan dengan memasukkan elemen yang boleh me-

enuhi matlamat kita dari segi melahirkan graduan berkemahiran dan terlatih dalam semua perkara.

"Kita juga mendapat input sektor swasta bagi menambah baik sistem pembelajaran dan pengajaran di universiti awam," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pembelajaran dan Pengajaran anjuran Kolej Tunku Abdul Rahman di sini semalam.

Mengenai Universiti Apex, katanya pemilihan satu daripada sembilan universiti tempatan akan dibentangkan ke Kabinet minggu depan sebelum diumumkan bulan depan.

Katanya, Jemaah Menteri akan diberi penjelasan mengenai asas pemilihan, implikasi dan perubahan kepada universiti terpilih untuk program lonjakan ke arah kecemerlangan itu.

"Universiti terpilih akan mempunyai pelan perancangan komprehensif, hala tuju dan wawasan serta daya kepimpinan tinggi untuk capai matlamat dan membawa budaya baru kepada setiap perubahan," katanya.

Sembilan universiti yang mengemukakan permohonan menyertai program itu termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti



Sains Malaysia (USM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Sains Islam.

Universiti Apex ialah pengiktirafan kepada universiti tempatan yang menjadi penanda aras di peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi. - Bernama